

Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Qur'an

Noor Naemah Abd. Rahman

Abstract

The mode of asking and issuing fatwa began in Muslim community by the revelation of Quran. However, it has not ended by the demise of the prophet (p.b.u.h). In fact, it is a continuous activity practiced in the society in order to seek guidance and hukm in accordance to Islam for each and everything happened in the community. In other word the issuance of fatwa is to guide Muslims to the right path of Islam. In process of issuing fatwa, every one has to pay an attention to the importance of Quran, for it, as a principal source of Islam has underlined general guidelines. Therefore, this article attempts to review methods used by the Quran in solving such a query pertaining to certain problems.

Pendahuluan

Amalan fatwa merupakan suatu aktiviti yang sentiasa berkesinambungan sejak zaman penurunan wahyu sehingga sekarang. Skop aktiviti ini banyak dipengaruhi perkembangan hidup masyarakat umat Islam. Dengan demikian fatwa telah dilihat sebagai mewakili pemikiran hukum sesuatu masyarakat pada sesuatu masa.

Di zaman pengasasan dan pembinaan hukum Islam, amalan fatwa telah menjadi medium utama penyebaran maklumat hukum. Namun begitu kegiatannya tidak begitu rancak lantaran realiti kehidupan sosial di waktu tersebut tidak begitu mendesak.¹ Bagaimanapun setelah muncul zaman perkembangan dan keagungan,² kegiatan fatwa telah berkembang maju sebagai tindak balas kepada kerancakan aktiviti kehidupan manusia di waktu itu.

Al-Qur'an sebagai asas utama segala kegiatan hukum menggariskan panduan-panduan utama yang perlu diambilkira dalam sebarang kegiatan tersebut. Amalan fatwa sebagai suatu metode penyelesaian hukum dalam menangani isu yang timbul dalam masyarakat menjadi perhatian dalam perbincangan ayat-ayat al-Qur'an. Perbincangan ini akan cuba menyentuh dua panduan utama yang berkait dengan pihak mufti sebagai pihak yang mengemukakan fatwa dan pihak *al-mustafti* sebagai pihak yang mengemukakan persoalan.

Al-Qur'an dan Hubungannya Dengan Fatwa Hukum

Al-Qur'an atas kapasitinya sebagai rujukan utama hukum Islam telah mengemukakan teknik dan gaya tersendiri dalam menangani isu-isu hukum. Di antara teknik yang paling popular sebagaimana telah disimpulkan oleh para sarjana Usul al-Fiqh ialah: ³

- (i) dengan mengemukakan jawapan hukum sebagai respons kepada persoalan yang dikemukakan, atau
- (ii) dengan mengemukakan hukum bukan atas sifat sebagai jawapan kepada persoalan, tetapi sebagai suatu keterangan dan penjelasan.

Bentuk yang kedua merupakan bentuk yang digunakan pada kebanyakan ayat-ayat hukum. Ia berlaku sama ada dalam bentuk arahan melakukan sesuatu ataupun melarang dari melakukannya. Antaranya sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah melalui beberapa ayat seperti ayat 178, 282, 224 dan 229 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu qisās (pembalasan) dalam perkara pembunuhan.” (ayat 178).

“Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu berhutang-piutang dengan janji yang ditetapkan waktunya, hendaklah kamu tuliskan.” (ayat 282).

“Janganlah kamu jadikan Allah dalam sumpahmu halangan untuk berbuat baik, mematuhiNya dan menegakkan perdamaian di antara manusia.” (ayat 224).

“Kamu tidak boleh mengambil kembali sesuatu yang telah kamu berikan kepadanya, kecuali keduanya merasa khawatir tidak akan menegakkan aturan- aturan Allah.” (ayat 229).

Dari keterangan ayat-ayat tadi jelas memperlihatkan bagaimana ketentuan hukum telah berlaku dalam bentuk arahan langsung dari Allah SWT tanpa didahului oleh apa-apa persoalan.

Untuk bentuknya yang pertama pula, biasanya ayat-ayat yang terlibat akan menggunakan beberapa bentuk ungkapan khusus seperti *yas'alūnak* atau *yastaftūnak*. Kedua-dua ungkapan tadi bermaksud “apabila ditanyakan kepada kamu”. Untuk ungkapan *yas'alūnak* misalnya, terdapat beberapa ayat berkaitan seperti ayat 189, 215, 217, 219, 220 dan 222 dari Surah al-Baqarah dan ayat 187 dari Surah al-A'raf. Kesemua ayat berkenaan menggambarkan komunikasi maklumat antara dua pihak. Sebagai contoh ayat 189 dari Surah al-Baqarah yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muḥammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: “(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat Haji.”

Begitu juga ayat-ayat yang menggunakan ungkapan *yastaftūnak* yang berlaku dalam dua ayat, iaitu ayat 127 dan 176 dari Surah al-Nisā'. Ayat tersebut bermaksud:

“Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muḥammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: “Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka.” (ayat 127).

“Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muḥammad mengenai masalah Kalālah). Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara Kalālah ...” (ayat 176).

Meskipun perkataan fatwa dengan terbitan selain dari *yastaftūnak* juga memberi makna meminta pandangan, seperti berlaku pada ayat 41, 43 dan 46 dari Surah Yūsuf, namun ianya bukan dalam bentuk meminta pandangan hukum.⁴ Sebagai contoh, firman Allah SWT dalam ayat 41 disebutkan yang bermaksud:

“Wahai sahabatku berdua yang sepenjara! (Takbir mimpi kamu itu ialah): adapun salah seorang dari kamu, maka ia akan memberi minum arak kepada tuannya. Ada pun yang seorang lagi, maka ia akan dipalang, serta burung pula akan makan dari kepalanya. Telah selesailah (dan tetapkan berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu.”

Penelitian terhadap ayat-ayat yang mengandungi perkataan *yasalūnak* dan *yastaftūnak* tidak pula menggambarkan wujudnya perbezaan antara keduanya. Yang pasti, kedua ungkapan tersebut digunakan bagi menggambarkan proses penyaluran maklumat hukum antara pihak yang bertanya dan pihak yang mengemukakan jawapan kerana keduanya memberi makna yang hampir sama, iaitu “apabila ditanyakan kepada kamu” dan “apabila diminta fatwa daripada kamu.”

Al-Qur’an sewaktu mengemukakan beberapa arahan hukum melalui kedua ungkapan tadi telah juga turut menganjurkan garis panduan dalam komunikasi hukum atau lebih khusus disebut sebagai amalan fatwa. Dalam perbincangan ini dua disiplin asas yang menyentuh pihak yang memberi jawapan fatwa atau dalam istilah teknikalnya disebut sebagai *al-mufti* dan juga pihak yang mengemukakan persoalan bagi mendapatkan fatwa hukum, yang disebut sebagai *al-mūstaftī* akan diperincikan.

Pertama: Komunikasi Yang Bijaksana

Komunikasi bijaksana adalah antara disiplin yang telah diserlahkan dalam ayat yang berkaitan dengan amalan fatwa. Ia bertujuan menarik pandangan pihak yang terlibat dengan amalan fatwa supaya mengambil perhatian terhadap unsur ini dalam amalan mereka.

Antara ayat yang disebutkan bagi mewakili perkara tersebut ialah ayat 189 dari Surah al-Baqarah yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepada kamu tentang bulan sabit, katakanlah: “Bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi ibadat haji.”

Dalam ayat tersebut Allah telah menyebutkan bagaimana para sahabat bertanyakan Rasulullah s.‘a.w tentang hakikat bulan yang bermula dari bentuknya sebagai bulan sabit dan kemudiannya membesar sehinggalah akhirnya membentuk bulan sabit semula sebelum menghilang.⁵ Dalam hal ini Allah telah mengajarkan Rasulullah s.‘a.w. supaya menjawab persoalan tersebut dengan penuh bijaksana tanpa merubah topik asal perbincangan. Cuma dengan cara mengalihkan perhatian mereka dari bertanya sesuatu yang tidak berfaedah kepada perbincangan yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan mereka dari perjalanan bulan tersebut yang mana ianya amat berkait dengan urusan ibadat solat, haji dan zakat, bukannya semata-mata persoalan kosmologi sains atau yang berhubung ilmu astronomi.⁶

Adalah menjadi suatu kebijaksanaan Rasulullah s.‘a.w. untuk tidak mengalih perbincangan dari topik asal. Baginda hanya mengalihkan tumpuan sebenar perbincangan dari hanya melihat persoalan kejadian bulan dan pusingannya secara teknikal kepada implikasi perubahan bentuk dan kaitannya dengan kehidupan ibadat

seorang muslim. Ini kerana ianya sangat berkaitan dengan urusan kehidupan mereka seperti penentuan iddah wanita, waktu haji, waktu berbuka dan berpuasa dan lain-lain lagi. Dengan anjuran demikian, Allah SWT seolah-olah menegur para sahabat kenapa tidak mempersoalkan hikmat di sebalik perubahan anak bulan tersebut, bukannya tentang perubahan fizikalnya semata-mata. Oleh itu, menurut *Tafsir al-Manār*, keterangan Rasulullah s. 'a.w dalam kes ini adalah dengan mendatangkan hikmat perubahan bentuk anak bulan, bukan pada sebab perubahan tersebut.⁷ Dengan cara demikian peristiwa ini menjadi pengajaran kepada para sahabat untuk tidak bertanyakan suatu yang tidak mendatangkan faedah kepada kehidupan mereka. Bahkan ini juga dilihat sebagai suatu cara Rasulullah s. 'a.w mendidik para sahabat bagaimana berinteraksi dengan Baginda s. 'a.w.

Hasilnya dapat dilihat bagaimana para sahabat kemudiannya apabila mengemukakan persoalan, mereka hanya bertanyakan perkara yang bermanfaat untuk urusan kehidupan mereka. Dengan melihat seluruh persoalan hukum yang dirakamkan di dalam al-Qur'an, ternyata ianya menyentuh perkara realiti yang berkaitan langsung dengan kehidupan mereka. Ianya bukannya soalan khayalan, andaian dan remeh-temeh. Sebagaimana yang berlaku dalam dialog hukum antara para sahabat dengan Baginda s. 'a.w yang tercatat dalam ayat-ayat al-Qur'an seperti ayat 219 Surah al-Baqarah yang membicarakan tentang pertanyaan para sahabat tentang hukum arak dan judi, ayat 220 dari surah yang sama tentang apa yang patut dibelanjakan, hukum-hakam berkait perempuan yang sedang dalam haid juga turut dipersoalkan dalam ayat 222 dari surah yang sama. Pendeknya, kesemua soalan yang diajukan adalah berhasrat untuk mendapat pandangan hukum sebenar terhadap persoalan yang berbangkit.

Meskipun fokus ayat ini berkisar pada persoalan anjuran al-Qur'an supaya Rasulullah s. 'a.w berinteraksi dengan penuh bijaksana dalam menangani persoalan hukum yang dibangkitkan, tetapi ini tidak bererti bahawa Islam tidak menggalakkan penerokaan fakta-fakta saintifik sebagaimana berlaku dialog dalam ayat tadi. Oleh kerana terdapat persoalan yang lebih besar yang sepatutnya menjadi fokus dan perhitungan, maka ianya hendaklah lebih mendapat perhatian. Kedudukan ini juga turut memberikan pengajaran kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan interaksi hukum supaya bijak menentukan keutamaan kes yang mesti diselesaikan.

Anjuran berinteraksi secara bijaksana boleh juga dilihat dari apa yang disebutkan oleh Allah SWT dalam ayat 222 Surah al-Baqarah yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah haid itu adalah kotoran. Oleh itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid. Dan jangan kamu dekati mereka sebelum mereka suci.”

Ayat ini diturunkan dalam rangka menjawab persoalan yang dikemukakan oleh seorang sahabat Baginda s. 'a.w. yang mengemukakan amalan yang berlaku di kalangan orang-orang Nasrani. Menurut amalan mereka, isteri-isteri yang sedang dalam tempoh haid boleh dipergauli sebagaimana biasa.⁸ Setelah diajukan pertanyaan bagi mendapatkan penjelasan hukum berkenaan perkara tersebut, Allah SWT telah menjawabnya dengan gaya yang amat menakjubkan disertai dengan unsur-unsur kiasan dan metafora.

Keunikan gaya al-Qur'an ini dapat dilihat dari susur galur interaksi yang berlaku. Persoalan yang berbangkit dari kes ini ialah apakah hukum menggauli isteri yang sedang dalam tempoh kedatangan haid? iaitu hukum perhubungan seksual antara suami isteri dalam tempoh tersebut. Bagi menjawab persoalan ini Allah SWT telah menggunakan metode yang penuh bijaksana dan menakjubkan dengan tidak menjawab secara langsung persoalan yang dibangkitkan tetapi telah mengemukakan terlebih dahulu alasan yang wajar kenapa hubungan seks antara pasangan suami isteri tidak boleh berlaku dalam tempoh tersebut. Alasan dan kewajarannya boleh dilihat dari firmanNya "*qul huwa azā*" maksudnya "haid itu adalah kotoran yang memudarat dan menjijikkan." Dengan lain perkataan, suatu yang mudarat dan jijik amat perlu dijauhan.

Pendekatan al-Qur'an dalam hal ini telah menampakkan suatu tarikan, di samping ianya bertujuan untuk menampakkan kemunasabahan hubungan antara suatu yang mengotorkan dengan tindakan menjauhan diri darinya.

Tidak cukup setakat kenyataan tersebut sahaja, Allah meneruskan perbicaraanNya dengan menjelaskan bahawa larangan tersebut berterusan sehingga para isteri suci dari haid dan larangan ini pula terhad pada hubungan kelamin sahaja.

Seterusnya Allah SWT turut menjelaskan beberapa hal lain yang menjadi urutan kepada persoalan yang ditanya melalui firmanNya yang bermaksud:

"Dan apabila mereka telah suci maka gaulilah mereka di tempat yang diperintahkan Allah kepada mu."

Penelitian terhadap ayat tadi menimbulkan pertanyaan. Kenapa Allah SWT memilih untuk tidak terus menjawab persoalan yang ditanya secara langsung, sebaliknya memilih untuk menyatakan perkara lain yang berkaitan dan lebih utama sehingga menjadi penyebab kepada ketentuan hukum yang akan disebutkan kemudiannya. Dengan pendekatan ini, perhatian golongan yang bertanya tadi telah dialihkan kepada faktor-faktor yang menyebabkan ketentuan hukum haramnya berlaku hubungan kelamin diputuskan kerana dengan pendekatan demikian akan mempermudah penerimaan mereka kepada ketentuan hukum tersebut.

Ayat tadi seolah-olah telah terlebih dahulu mengemukakan pendahuluan yang menarik dan tepat untuk dilanjutkan kepada perbincaraan hukum berkaitan, dengan firman *فَاعْتَرَلُوا الْمَحِيضَ فِي النِّسَاءِ* . Ayat ini sebenarnya turut bertujuan meminta perhatian bahawa yang diharamkan dalam tempoh tersebut hanyalah hubungan seksual sahaja. Manakala hubungan dan interaksi selainnya diharuskan sebagaimana biasa. Realiti hukum ini berbeza dengan apa yang menjadi amalan golongan Yahudi yang menghalang segala hubungan sosial lain. Begitu juga yang berlaku dalam masyarakat Arab jahiliyyah.⁹ Hadith-hadith Baginda s. 'a.w. banyak membuktikan perkara ini, yang antara lain menjelaskan apa-apa hubungan yang selain dari hubungan seksual adalah diharuskan.¹⁰

Al-Qur'an semasa menjelaskan isu ini, tidak hanya membincangkan perkara di atas sahaja, tetapi kemudiannya melanjutkan perbincangan dengan membuat pendedahan hukum selainnya yang turut mempunyai kaitan, walaupun tidak dibangkitkan secara langsung oleh sahabat yang bertanya. Allah SWT menyebutkan dengan firmanNya yang bermaksud:

"Dan apabila mereka suci, datangilah mereka sebagaimana yang diperintahkan Allah kepada mu..."

Demikian antara bentuk dan pendekatan komunikasi hukum yang telah dianjurkan oleh al-Qur'an. Anjuran ini bertujuan supaya kaedah dan pendekatan seumpama ini menjadi perhatian kepada pihak yang terlibat dengan urusan hukum dan fatwa. Dengan lain perkataan, kebijaksanaan berkomunikasi dengan pihak yang mengemukakan persoalan menjadi salah satu faktor penentu keberkesanan penyelesaian hukum yang dikemukakan.

Mufti, sebagai pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti fatwa sepatutnya melihat anjuran-anjuran al-Qur'an ini sebagai suatu panduan dalam amalan mereka. Seorang mufti yang bijaksana dan berhikmah tidak akan hanya terus menjawab persoalan yang diajukan secara langsung. Sebaliknya terlebih dahulu mengemukakan beberapa pendahuluan berkaitan yang boleh membantu memudahkan penerimaan hukum yang berbangkit. Selain itu mufti sepatutnya juga turut mengemukakan beberapa isu lain yang juga mempunyai rangkaian hubungan dengan isi sebenar perkara yang dibangkitkan supaya hukum yang dibahaskan itu difahami secara lebih menyeluruh. Kaedah dan pendekatan ini amat wajar diamalkan kerana ia kelihatan suatu pendekatan yang bijaksana dalam mengemukakan sesuatu pandangan hukum.

Bukan sekadar itu sahaja, bahkan dalam ayat-ayat tersebut di atas, Allah SWT bukan sahaja menganjurkan supaya ketetapan hukum dikemukakan dengan penuh hikmah dan bijaksana, tetapi turut menganjurkan supaya ungkapan-ungkapan yang

dipilih juga hendaknya mewakili semangat kebijaksanaan dan berhikmah. Sehubungan dengan ini al-Zamakhshari menyebutkan:

“Allah SWT apabila menyebutkan “jauhilah isteri-isteri kamu semasa haid,” “datangilah isteri-isteri kamu sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah,” “usahakanlah perladangan kamu bagaimana kamu suka” adalah bertujuan mengajar orang yang beriman supaya mereka sentiasa prihatin dengan kaedah penyampaian maklumat hukum sama ada dalam ucapan atau tulisan mereka supaya mesej yang dibawa sampai ke sasaran dengan berkesan.”¹¹

Kesemua ungkapan tadi menampakkan kiasan yang indah bertujuan menarik perhatian golongan sasaran. Ini penting apabila ketetapan hukum yang akan dikemukakan adalah bersalahan dengan realiti amalan yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, mengemukakan pendahuluan yang boleh menggambarkan munasabah dan kesesuaian hukum tersebut merupakan suatu langkah yang bijak. Allah SWT seterusnya memujuk orang-orang yang beriman dengan menjelaskan bahawa hukum tegahan menggauli isteri sewaktu tempoh haid hanyalah bersifat sementara kerana itu Allah SWT kemudiannya mengibaratkan isteri sebagai ladang yang boleh diusahakan sebagaimana yang dikehendaki. Dengan rantaian perbincangan demikian akan memberikan keselesaan kepada orang yang bertanya.

Pendekatan al-Qur'an dalam hal ini bertujuan memberi panduan kepada pihak yang bertanggungjawab dengan urusan fatwa supaya bijaksana dan berhikmah dalam memilih pendekatan terbaik dan ungkapan-ungkapan yang baik dan berkesan. Anjuran ini berharap agar perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang liar dan menggerunkan dielakkan. Aspek ini penting dalam rangka menambat hati golongan sasaran.

Kedua: Elakkan Sikap Terlalu Banyak Bertanya

Disiplin kedua yang akan disentuh dalam perbincangan di sini adalah berkenaan dengan pihak *al-mustafti* sebagai pihak yang mengemukakan persoalan hukum. Pihak berkenaan dianjurkan supaya tidak terlalu banyak bertanya. Mereka hendaklah tahu fokus sebenar soalan yang akan diajukan. Mereka juga dianjurkan supaya mengelakkan dari bertanya soalan-soalan yang remeh dan tidak ada apa-apa kepentingan kerana dibimbangi dengan persoalan tersebut akan lebih menyukarkan mereka dalam menunaikan kewajipan agama.

Al-Qur'an dalam hal ini telah menggariskan panduan yang jelas. Antaranya apa yang difirmankan di dalam Surah al-Mā'idah, ayat 101 yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menanyakan (kepada Nabimu) hal-hal yang jika diterangkan kepadamu nescaya akan

menyusahkan kamu dan jika kamu menanyakannya di waktu al-Qur'an itu sedang diturunkan nescaya akan diterangkan kepadamu. Allah memaafkan kamu tentang hal itu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyantun."

Rujukan terhadap sebab nuzul ayat ini menjelaskan bagaimana Baginda s. 'a.w menunjukkan ketidakselesaian apabila diajukan soalan yang tidak bermanfaat dan tidak sepatutnya dipersoalkan. Diriwayatkan seorang lelaki dalam keadaan bersenda telah bertanya Baginda s. 'a.w. di manakah kudanya yang hilang, lalu turun ayat ini menegur sikap lelaki tersebut yang disifatkan sebagai seorang yang tidak berhemah dalam berkomunikasi dengan Baginda s. 'a.w.¹² Bagaimana mungkin soalan yang seremeh itu diajukan kepada Baginda s. 'a.w yang tidak akan mengungkapkan sesuatu kecuali yang mendatangkan faedah. Tidakkah dengan pertanyaan sedemikian akan mensia-siakan masa Baginda s. 'a.w.? Setengah riwayat yang lain pula menyebutkan bahawa ayat ini diturunkan kerana Allah SWT menegur sikap para sahabat yang telah bertanya Rasulullah s. 'a.w. tentang kekerapan kewajipan haji setelah ianya diwajibkan melalui firman Allah yang bermaksud:¹³ *"Dan menjadi kewajipan kepada manusia untuk menunaikan haji jika mereka berkemampuan."* Rasulullah s. 'a.w kemudiannya menjawab bahawa kalaulah dihukumkan bahawa kewajibannya berlaku setiap tahun nescaya perkara tersebut akan memberatkan dan menyukarkan.¹⁴

Jelas sekali di sini memberi maksud bahawa Allah SWT melarang seorang muslim dari bertanya sesuatu yang tidak mendatangkan apa-apa faedah dan yang tidak disentuh secara langsung oleh al-Qur'an sendiri. Lebih-lebih lagi persoalan tersebut boleh menyukarkan pelaksanaan sesuatu kewajipan yang ditentukan. Oleh itu al-Rāzī semasa mengulas ayat ini telah menyebutkan bahawa ayat ini adalah saling berhubungan dengan ayat sebelumnya yang membuat kenyataan bahawa Rasulullah s. 'a.w hanyalah pembawa risalah, menjelaskan keterangan hukum yang dikehendaki. Lantaran itu segala ketetapan hukum yang diperuntukkan di dalam al-Qur'an hendaklah diikuti, sementara yang tidak dinyatakan hendaklah dikesampingkan. Jika umat Islam mengambil sikap untuk menyelami lebih jauh dari apa yang ditentukan secara nyata maka dibimbangi akan lebih menyusahkan dan membebankan.¹⁵ Sedangkan Rasulullah s. 'a.w sendiri pernah menyebutkan semasa sahabat bertanya tentang kekerapan fardu haji, yang antara lain bermaksud:

- *"Sungguh tidak patut untuk kamu bertanya tentang hal itu kerana jika aku sebutkan bahawa haji itu diwajibkan pada setiap tahun, nescaya kamu tidak akan mampu melakukannya. Jika kamu tidak lakukannya nescaya kamu akan kufur dengan keengganan itu. Justeru diamlah dari mengungkit-ungkitkan perkara yang aku diamkannya sesungguhnya telah*

binasa kaum yang terdahulu dari kamu apabila mereka terlalu banyak bertanya pada perkara yang tidak menjadi keperluan.....”¹⁶

Semasa mengulas pandangan al-Rāzī ini, Syeikh Rashīd Riḍā menyebutkan:

“Memandangkan surah ini adalah surah terakhir diturunkan, maka adalah tepat setelah Allah menjelaskan kesempurnaan agama Islam dan penyebaran Islam telah dilakukan dengan sempurna oleh Rasulullah, untuk Dia seterusnya menganjurkan umat Islam supaya tidak lagi cuba mengungkit-ungkitkan perkara yang tidak sepatutnya kerana dibimbangi akan membebaskan mereka lalu menjadikan mereka mudah ingkar dengan ketetapan hukum yang ada.”¹⁷

Oleh itu jelas bahawa gesaan al-Qur’an ini sebenarnya bertujuan memastikan soalan yang dibangkitkan adalah bermanfaat dan tidak akan menyusahkan pelaksanaan kewajipan agama sama ada pada perkara berkait urusan kehidupan dunia maupun akhirat. Soalan yang aneh, remeh dan main-main semestinya dijauhi. Rasulullah s. ‘a.w. pernah marah dan murka apabila diajukan pertanyaan oleh seorang sahabat “siapakah ayah saya (yang sebenar).”¹⁸ Soalan ini dipandang tidak sesuai untuk dikemukakan kerana jika dijawab oleh Baginda s. ‘a.w. bahawa ayahnya yang sebenar adalah bukan lelaki yang sedang berada bersama ibunya sekarang, maka ianya suatu yang boleh mengaib dan menghina ibunya dan dirinya sendiri, sedangkan Rasulullah tidak akan menyebutkan demikian. Sayyidina ‘Umar juga pernah menghukum seorang yang sangat suka bertanyakan perkara-perkara aneh dan pelik serta tidak membuahkan apa-apa amalan, malah ia kadang-kadang menimbulkan pertengkaran dan pertikaman lidah antara sesama Islam.¹⁹ Larangan tersebut berlaku kerana tabiat sedemikian dilihat tidak mendatangkan apa-apa keuntungan.

Menurut penelitian yang dibuat oleh al-Qaradāwī, sikap tidak serius dalam komunikasi hukum wujud dengan meluas dalam sejarah hukum Islam apabila berlakunya era taqlid di mana krisis budaya dan pemikiran mula berlaku. Pada waktu tersebut golongan cendekiawan hukum tidak lagi sibuk dengan usaha pengembangan hukum, sebaliknya banyak disibukkan dengan perkara-perkara ranting dan remeh. Hasilnya pemikiran hukum tidak lagi berkembang secara sihat tetapi menghadapi zaman kemunduran.

Seharusnya difahami, walaupun al-Qur’an melarang orang-orang yang beriman dari sibuk menanyakan suatu yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan, ia tidak bermaksud melarang seseorang dari bersikap kreatif dan inovatif. Dengan lain perkataan, Islam tidak melarang umatnya dari bertanyakan hukum mengenai kes-kes yang belum berlaku. Menyentuh hal ini Ibn Al-‘Arabī ada menyebutkan,

terdapat pandangan yang salah dari golongan konservatif yang beranggapan bahawa sikap suka bertanya mengenai kes-kes yang belum berlaku menjadi suatu kesalahan berasaskan pengertian ayat di atas. Kefahaman sedemikian sebenarnya bersalahan dengan maksud yang dikehendaki dari ayat di atas tadi. Yang dilarang ialah bertanya perkara yang boleh mendatangkan kesulitan dan kerumitan dalam menunaikan tanggungjawab agama.²⁰ Oleh itu kayu ukur dalam hal ini ialah apabila sesuatu kewajipan telah disebut secara jelas tanpa perlu apa-apa perincian, ia hendaklah dilaksanakan sebagaimana dimaklumkan. Dalam hal inilah larangan di dalam ayat tadi berkaitan kerana meminta penjelasan lanjut bagi perkara yang sudah jelas disifatkan sebagai boleh menyulitkan. Maksud ini juga dilihat menepati apa yang dikehendaki oleh hadith Baginda s. 'a.w. yang disebutkan di atas tadi.

Berasaskan kenyataan di atas, sikap proaktif dalam mengemukakan soalan terutamanya bagi menangani kes-kes yang dijangka akan berlaku merupakan suatu yang tidak bersalahan dengan pengertian ayat di atas. Bahkan sikap seumpama itu menjadi suatu keperluan dan bermanfaat. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi kemajuan dan perkembangan hidup yang terlalu cepat berlaku sebagaimana sekarang. Jika sikap menunggu sehingga benar-benar berlaku terus diamalkan, ditakuti penyelesaian hukum Islam akan banyak ketinggalan bagi mengisi keperluan yang ada. Kedudukan sebegini pernah berlaku dalam metodologi Imam Abū Ḥanīfah yang banyak membuat hukum-hukum andaian bukan dengan hasrat untuk menyusah dan merumitkan, tetapi sebagai suatu penyelesaian hukum yang boleh dirujuk dengan segera setelah benar-benar berlaku. Itupun sekiranya ia masih menepati realiti hukum yang berkenaan. Yang ditegah dalam pengertian ayat ini telah dibataskan dengan persoalan-persoalan yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat. Jika persoalan-persoalan seumpama ini dibangkitkan ia akan membuang masa pihak yang bertanggungjawab untuk melayan soalan-soalan seumpama ini.

Arahan al-Qur'an ini juga tidak bermaksud menegah umat Islam dari sentiasa peka dengan persoalan hukum. Mereka sentiasa digalakkan bertanyakan kemusykilan yang dihadapi kepada pihak yang berkenaan. Arahan Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud: *"Dan bertanyalah kepada orang-orang yang mengetahui di kalangan kamu jika kamu tidak mengetahui."* (al-Nahl, 16: 43).

Pengertian ayat ini jelas sekali menggambarkan bagaimana Allah SWT menggesa umat Islam supaya sentiasa membuat rujukan hukum kepada pihak-pihak yang berkelayakan supaya segala aktiviti kehidupan mereka terarah dengan ketentuan hukum yang tepat. Penyelesaian hukum Islam boleh didapati melalui bimbingan dan panduan dari golongan cendekiawan Islam. Oleh itu interaksi hukum akan sentiasa berlaku berasaskan keperluan semasa dan setempat.

Begitu juga sebaliknya, para ulama yang bertanggungjawab memikul amanah ilmu Islam sentiasa digesa supaya amanah dengan ilmunya dan sentiasa bersedia menjadi rujukan masyarakat bagi menyelesaikan isu yang berlaku. Oleh itu larangan dari melayani karenah golongan yang terlalu banyak bertanya tidak bererti sampai menyebabkan mereka terlibat dengan penyembunyian kebenaran hukum Islam kerana Allah sendiri telah menyelar golongan yang menyembunyikan kebenaran padahal mereka mengetahui melalui firmanNya dalam Surah Al-‘Imrān ayat 187 yang bermaksud:

“Dan ketika Allah mengambil janji dengan para Ahli al-Kitāb, supaya mereka menyampaikannya (al-Kitāb) kepada manusia dan jangan disembunyikannya, tetapi (kemudiannya) mereka mencampakkannya (al-Kitāb) di belakang mereka dan menjualnya dengan harga yang sangat sedikit (harta benda dunia). Alangkah buruk apa yang mereka beli itu.”

Meskipun ayat ini diturunkan kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani, namun hukumnya turut terpakai kepada orang Islam yang memikul amanah ilmu kerana penyembunyian ilmu akan menyebabkan kesesatan dalam masyarakat. Dalam ayat yang lain pula Allah SWT berfirman dengan maksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa-apa yang telah diturunkan Allah SWT daripada al-Kitāb, kemudian mereka menjualnya dengan harga yang sedikit, sesungguhnya hasil yang mereka makan itu adalah api neraka. Allah SWT tidak akan bercakap dengan mereka di hari kiamat dan tidak akan membersihkan mereka. Mereka akan mendapat azab yang sangat pedih. Merekalah orang-orang yang telah menukar petunjuk (hidayah) dengan kesesatan dan menukar keampunan dengan azab, alangkah beraninya mereka menerima azab neraka.” (al-Baqarah, 2: 176).

Ayat-ayat yang seumpama ini memberikan pengajaran bahawa Allah SWT menganjurkan golongan yang berilmu supaya membimbing masyarakat ke jalan hidayah. Jika mereka enggan melakukannya atas apa-apa sebab yang tidak munasabah, mereka dianggap berdosa dan dijanjikan dengan siksaan azab. Dalam masa yang sama golongan ini juga diarah supaya sentiasa berhati-hati supaya tidak ditenggelami dengan isu-isu dan persoalan yang tidak berfaedah. Dalam mengimbangi kedua hal ini mereka seharusnya bijak menentukan keutamaan dan kewajaran.

Mengambil pengajaran dari arahan al-Qur’an, pihak *al-mustaftī* sepatutnya menentukan fokus soalan sebelum dikemukakannya kepada mana-mana pihak yang berwajib. Soalan yang dikemukakan hendaknya sama sekali tidak melibatkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat kerana seorang *mustaftī*,

sepatutnya menjadi seorang yang ikhlas dalam mengajukan soalan dengan niat untuk menyelesaikan kes yang dihadapi. Oleh itu unsur-unsur bersenda, berhelah dan berangan-angan amat patut dijauhan. Soalan-soalan yang bersifat provokatif yang bertujuan untuk menimbulkan kontroversi dalam masyarakat juga antara yang dilarang kerana ianya tidak berasaskan kejujuran untuk mendapatkan ketentuan hukum yang sebenar.

Kesimpulan

Artikel ini secara keseluruhannya telah memberi fokus terhadap gaya dan teknik persembahan al-Qur'an dalam menangani isu hukum. Dalam hal ini al-Qur'an telah mengambil dua pendekatan yang popular iaitu sama ada dengan mengemukakan jawapan hukum sebagai respon kepada persoalan yang ditanya atau dengan mengemukakan jawapan hukum bukan atas sifat sebagai jawapan kepada perkara yang dipersoalkan, tetapi sebagai suatu keterangan dan penjelasan. Dalam mengemukakan teknik dan kaedah interaksi hukum itu tadi, al-Qur'an telah mengajar bagaimana sepatutnya hubungan itu berlaku supaya matlamat penjelasan hukum boleh dicapai dengan jaya dan berkesan.

Nota Hujung

1. Al-Āmidī, *al-Iḥkam fī Uṣūl al-Aḥkām*, juz 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, (1985), hal. 407-408.
2. Ia biasa dirujuk sebagai zaman para imam mujtahidin yang dikatakan berlaku pada abad kedua hijrah hingga keempat hijrah.
3. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Juz 1, Damsyik: Dār al-Fikr, (1986), hal. 445.
4. Sila lihat Noor Naemah Abd. Rahman, “Fatwa dan Realitinya Pada Zaman Rasulullah,” *Jurnal Syariah*, 9:1 [2002] 13-32.
5. Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, Juz , Beirut: Dār al-Makrifat, (1987), hal
6. Al-Zamakhsyārī, *al-Kashshāf*, Juz 1, Beirut: Dar al-Ma’rifat, (t.t) hal. 361.
7. Rashīd Riḍā, Jilid 2, Dār al-Ma’rifat, (t.t), hal. 202.
8. Al-Ṣābūnī, *Ṣafwat al-Tafsīr*, Juz 1, Beirut: Dār al-Qur’ān al-Azīm, (1980), hal. 125 dan 127.
9. Rashīd Riḍā, *op. cit.*, hal. 358-359.
10. Muslim, *Ṣāḥih Muslim*, disunting oleh Muḥammad Fu’ād Abd al-Bāqī, Juz 1, Kaheerah: Dār al-Ḥadīth, (1991), hal. 246.
11. Al-Zamakhsyārī, *op. cit.* hal. 362.
12. Al-Wāhidī, *Asbāb al-Nuzūl*, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, (t.t), hal. 171.
13. Surah Al-‘Imrān 3: 97.
14. Ibn Kathīr, *op. cit.* hal 108-9.
15. Al-Rāzī, *Tafsīr al-Kabīr*, Juz 12, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, (t.t), hal. 111.
16. *Ibid*, hal. 112.
17. *Tafsīr al-Manār*, *op. cit.*, Juz 7, hal. 125-6.
18. Ibn Kathīr, *op. cit.*
19. Al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā Bayna al-Indībāt wa al-Tasayyub*. Kaheerah: Dār al-Saḥwah, (1992), hal. 34.
20. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*, Juz 2, Beirut: Dār al-Ma’rifat, (t.t), hal. 700.